

Rujukan kami : UMP.02.01/10.12/2 Jilid 7 (16)
Tarikh : 5 November 2018

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 11 TAHUN 2018 MENGENAI
KEMUDAHAN CUTI BERSALIN PEGAWAI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.


2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 9 Tahun 2018 mengenai Kemudahan Cuti Bersalin Pegawai Di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Kerjasama tuan/puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
”Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menjalankan amanah,



(**NURULL SYAMIMI BINTI AHMAD ABZAN**)
Eksekutif Kanan,
Unit Pengurusan Governan
Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

b.p. : Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang

SENARAI EDARAN

Pengurusan Tertinggi

1. **YH. Profesor Dato' Sri Ts. Dr. Daing Mohd Nasir Bin Daing Ibrahim**
Naib Canselor
2. **YH. Profesor Dato' Sri Ts. Dr. Daing Mohd Nasir Bin Daing Ibrahim**
Menjalankan Fungsi
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YH. Profesor Dato' Dr. Mashitah Binti Mohd. Yusoff**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Bin Zainuddin**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **Encik Zainudin Bin Othman**
Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan
6. **Tuan Haji Ruslan Bin Che Pee**
Ketua Pustakawan
7. **YBhg. Datin Wan Maizurina Binti Wan Othman**
Penasihat Undang-Undang
8. **YH. Profesor Dato' Dr. Ishak Bin Ismail**
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti)
9. **YBhg. Profesor Dr. Jamil Bin Ismail**
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Dekan/ Pengarah / Ketua Jabatan

10. **YBrs. Dr. Mohamad Idris Bin Ali**
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam

11. **YBhg. Profesor Ir. Dr. Kamarul Hawari Bin Ghazali**
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
12. **YBhg. Profesor Zulkaffli Bin Hassan**
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli
13. **YBhg. Profesor Dr. Rizalman Bin Mamat**
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
14. **YBhg. Profesor Dr. Rizalman Bin Mamat**
Menjalankan Tugas-Tugas Dekan
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
15. **YBhg. Profesor Dr. Kamal Zuhairi Bin Zamli**
Dekan
Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian
16. **YBhg. Profesor Madya Dr. Mohd Hasbi bin Ab Rahim**
Dekan
Fakulti Sains dan Teknologi Industri
17. **YH. Profesor Dato' Dr. Zularisam Bin Ab. Wahid**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
18. **YBhg. Profesor Madya Dr. Mohd Ridzuan Bin Darun**
Dekan
Fakulti Pengurusan Industri
19. **YBrs. Dr. Muhamad Bin Mat Noor**
Dekan
Pembangunan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
20. **YH. Profesor Dato' Dr. Hasnah Binti Haron**
Dekan
Institut Pengajian Siswazah

21. **YBhg. Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Bin Abdul Wahab**
Dekan
Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan
22. **YBhg. Profesor Dr. Md. Mustafizur Rahman**
Dekan Penyelidikan (Kejuruteraan)
Jabatan Penyelidikan dan Inovasi
23. **YBhg. Profesor Dr. Jose Rajan**
Dekan Penyelidikan (Teknologi)
Jabatan Penyelidikan dan Inovasi
24. **YBhg. Profesor Madya Dr. Abdul Adam Bin Abdullah**
Pengarah
Pusat Kejuruteraan Automotif
25. **YBhg. Profesor Madya Dr. Muzamir Bin Hasan**
Pengarah
Pusat Kelestarian Sumber Bumi (ERAS)
26. **YBrs. Dr. Mohamed Ariff Bin Amedeen**
Pengarah
Pusat Kecemerlangan IBM
27. **YBhg. Profesor Madya Dr. Jolius Gimbun**
Menjalankan Tugas-Tugas Pengarah
Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendaliran Termaju (CARIFF)
28. **YBhg. Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Bin Tajuddin**
Pengarah
Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Bio Aromatik
29. **YBhg. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rusllim Bin Mohamed**
Pengarah
Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik
30. **YBrs. Dr. Nik Aloesnita Binti Nik Mohd Alwi**
Pengarah
Pejabat Antarabangsa
31. **YBrs. Datin Hajah Dr. Mazita Binti Mokhtar**
Menjalankan Tugas Pengarah
Pusat Keusahawanan

32. **YBrs. Dr. Mahyuddin Bin Ismail**
Pengarah
Pusat Islam dan Pembangunan Insan
33. **YBrs. Dr. Mohamed Ariff Bin Amedeen**
Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi
34. **Encik Marzuki Bin Mokhtar**
Pengarah
Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta
35. **YBhg. Profesor Madya Dr. Gaanty Pragas A/L Maniam**
Pengarah
Makmal Berpusat UMP
36. **Encik Muhammad Azli Bin Shukri**
Menjalankan Tugas-Tugas Pengarah
Penerbit UMP
37. **YBrs. Dr. Adzhar Bin Kamaludin**
Pengarah
Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (CIReL)
38. **Encik Abd Rahman Bin Hj Safie**
Pengarah
Pusat Sukan & Kebudayaan
39. **Cik Yong Ying Mei**
Pengarah
Mandarin Language & Culture Centre
40. **YBrs. Dr. Mohd Yuhyi Bin Mohd Tadza**
Pengarah
Pusat Kecemerlangan Industri (I-COE) CIDB
41. **YBhg. Profesor Madya Dr. Fahmi Bin Samsuri**
Pengarah
Pusat Kecemerlangan Industri (I-COE) Agilent
42. **YBrs. Dr. Nina Suhaity Binti Azmi**
Ketua Program
Pusat Kecemerlangan Industri (I-COE) Bioteknologi

43. **YBrs. Ir. Dr. Siti Zubaidah Binti Sulaiman**
Pengarah
Pusat Pembangunan & Penempatan Kerjaya
44. **YBrs. Dr. Irene Ting Wei Kiong**
Pengarah
Bahagian Penarafan Antarabangsa & Penjenamaan
Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti
45. **Encik Muhammad Hairynizam Bin Muhd Taib**
Pengarah
Pejabat Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
46. **YBrs. Dr. Zulkifly bin Jemaat**
Pengarah
Pusat Pengurusan dan Perkhidmatan Teknologi
47. **YBrs. Dr. Fadzil bin Mat Yahaya**
Pengarah
Railway Industry Academy (RIA)
48. **YBrs. Ir. Dr. Nurul Hazlina binti Noordin**
Pengarah Jaringan Masyarakat
49. **YBrs. Dr. Norhilda Binti Abdul Karim**
Pengarah
Pusat Kesihatan Universiti

Bahagian/ Unit

50. **Puan Nur'Izzati binti Zakaria**
Menjalankan Tugas Ketua
Bahagian Keselamatan
51. **Encik Asri Bin Haji Zainudin**
Ketua
Unit Pengurusan Risiko
52. **Encik Mohd Akram bin Abdul Razak**
Ketua
Unit Audit Dalam

53. **YBrs. Dr. Fatmawati Binti Latada**
Ketua
Unit Perundingan & Bantuan Staf, Jabatan Pendaftar
54. **YBhg. Datin Sri Hajah Fazia binti Ali**
Pengurus Besar
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
55. **Encik Abd Rahman Bin Hj Safie**
Pengurus Besar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
56. **Puan Haryani Binti Abdullah**
Pengurus Besar
Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar
57. **Tuan Haji Wan Abdul Rashid Bin Wan Abdul Rahman**
Pengurus Kanan
Bahagian Pentadbiran UMP Kampus Gambang, Jabatan Pendaftar
58. **Tuan Haji Abdul Shukur bin Ishak**
Pengurus
Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta
59. **Encik Saiful Bahri Bin Ahmad Bakarim**
Pengurus Kanan
Pejabat Naib Canselor
60. **Encik Zainuddin Bin Mat Husin**
Pengurus
Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar
61. **Encik Arman bin A. Rahim**
Pengurus
Bahagian Pemasaran dan Pengambilan Pelajar, Jabatan Pendaftar
62. **Encik Hazmin bin Aris**
Pengurus Kanan
Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti
63. **Puan Hajah Sabarehan Binti Hj. Ismail**
Pengurus
Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendaftar

64. Encik Mohd Raizalhilmy bin Mohd. Rais
Pengurus
Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat

Anak Syarikat UMP

65. Tuan Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Bin Syed Abdul Rahman
Ketua Pegawai Eksekutif
UMP Holdings Sdn. Bhd

66. YBrs. Dr. Mohamad Rozi Bin Hassan
Ketua Pegawai Eksekutif
UMP Advanced Education Sdn. Bhd

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 11 TAHUN 2018
KEMUDAHAN CUTI BERSALIN PEGAWAI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

TUJUAN

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan melaksanakan keputusan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2017 berkenaan Kemudahan Cuti Bersalin kepada pegawai di Universiti Malaysia Pahang.

LATAR BELAKANG

- 2.0 Ahli Lembaga Pengarah (LPU) menerusi Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3 Tahun 2018 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2017 berkenaan Kemudahan Cuti Bersalin kepada pegawai di Universiti Malaysia Pahang.

PELAKSANAAN

3.0 Tafsiran

- 3.1 Dalam melaksanakan dasar ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

'Cuti Bersalin' adalah cuti yang diberikan kepada pegawai wanita untuk bersedia dan pulih daripada bersalin;

'Cuti Bersalin bergaji penuh' adalah Cuti Bersalin yang dibayar emolomen penuh mengikut kadar kelayakan yang telah ditetapkan;

'Cuti Bersalin separuh gaji' adalah Cuti Bersalin yang dibayar separuh emolomen dan hanya diperuntukkan kepada guru selama 14 hari dalam penggal sekolah;

'Cuti Bersalin tanpa gaji' adalah Cuti Bersalin yang tidak dibayar sebarang emolumen kepada pegawai yang telah menggunakan kelayakan Cuti Bersalin bergaji penuh dan Cuti Bersalin separuh gaji;

'pegawai' adalah merujuk kepada pegawai wanita Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik secara tetap, sementara dan kontrak (*contract of service*).

4.0 Kelayakan

4.1 Kelayakan dan peraturan kemudahan Cuti Bersalin ditetapkan seperti berikut:

4.1.1 Kadar kelayakan Cuti Bersalin bergaji penuh ialah telah ditambah baik kepada sebanyak 360 hari sepanjang tempoh perkhidmatan seseorang pegawai berbanding 300 hari sebelumnya;

4.1.2 Tempoh minimum Cuti Bersalin bagi setiap kelahiran adalah sebanyak 60 hari manakala tempoh maksimum Cuti Bersalin bagi setiap kelahiran adalah 90 hari.

4.1.2.1 Bagi menjaga kepentingan perkhidmatan di Universiti, kelulusan Cuti Bersalin bagi pegawai yang tidak mempunyai sebarang masalah kesihatan yang boleh dibuktikan menerusi laporan perubatan serta syor daripada pegawai perubatan berdaftar dihadkan kepada 60 hari sahaja;

4.1.2.2 Walau bagaimanapun, sekiranya ibu atau anak yang baru dilahirkan disahkan mengalami sebarang komplikasi atau masalah kesihatan yang boleh dibuktikan menerusi laporan perubatan serta syor daripada pegawai perubatan berdaftar boleh diberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin antara 60 hari hingga 90 hari bagi setiap kelahiran.

4.1.3 Cuti Bersalin bermula pada tarikh pegawai bersalin. Walau bagaimanapun, pegawai boleh memilih untuk menggunakan Cuti Bersalin lebih awal dari tarikh bersalin iaitu pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari tarikh dijangka bersalin.

- 4.2 Bagi pegawai yang mempunyai baki Cuti Bersalin bergaji penuh kurang daripada 60 hari, pegawai hendaklah mengambil Cuti Bersalin antara 60 hingga 90 hari dengan menggunakan kemudahan berikut:
 - 4.2.1 menggunakan semua baki Cuti Bersalin bergaji penuh; dan
 - 4.2.2 jika tidak mencukupi, Cuti Rehat digunakan; dan
 - 4.2.3 jika masih tidak mencukupi, Cuti Bersalin tanpa gaji digunakan.
- 4.3 Bagi pegawai yang telah menggunakan kelayakan maksimum 360 hari kemudahan Cuti Bersalin, pegawai hendaklah mengambil Cuti Bersalin antara 60 hingga 90 hari dengan menggunakan kemudahan berikut:
 - 4.3.1 menggunakan Cuti Rehat mulai dari tarikh bersalin; dan
 - 4.3.2 jika masih tidak mencukupi, Cuti Bersalin tanpa gaji digunakan.
- 4.4 Cuti Bersalin separuh gaji dan Cuti Bersalin tanpa gaji yang diambil oleh pegawai yang bersalin tidak akan menjejaskan kelayakan pegawai untuk menggunakan Cuti Separuh Gaji di bawah Perintah Am 51 Bab C Tahun 1974 dan Cuti Tanpa Gaji di bawah Perintah Am 14 dan 52 Bab C Tahun 1974.
- 4.5 Tempoh Cuti Bersalin adalah termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan, hari kelepasan am dan cuti penggal. Namun begitu, pengiraan Cuti Rehat dalam tempoh Cuti Bersalin adalah tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.
- 4.6 Bagi pegawai lantikan kontrak (*contract of service*), kelayakan mereka adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam perenggan 4.1. Walau bagaimanapun, mereka tidak layak mengambil Cuti Menjaga Anak bagi menggantikan kelayakan Cuti Bersalin. Kemudahan Cuti Bersalin tanpa gaji yang diambil tidak menjejaskan kemudahan Cuti Tanpa Gaji Untuk Mengerjakan Haji sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 4, perkara 3, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016 dan peraturan lain yang berkuat kuasa. Kemudahan Cuti Bersalin tanpa gaji ini juga tidak menyebabkan tempoh kontrak yang berkuat kuasa terputus.
- 4.7 Cuti Sakit tidak boleh digunakan bagi maksud menggantikan tempoh Cuti Bersalin kecuali Cuti Tibi, Kusta, Barah atau tempoh pegawai dimasukkan ke wad hospital kerana sakit bukan atas sebab bersalin.

- 4.8 Bagi pegawai yang telah melahirkan anak selepas 22 minggu mengandung, sama ada bayi itu hidup atau pun meninggal dunia adalah layak untuk diberi Cuti Bersalin memandangkan tubuh badan pegawai telah mengalami perubahan fizikal yang memerlukan Cuti Bersalin bagi tujuan pemulihan.
- 4.9 Tempoh perkhidmatan dengan Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan bagi seseorang pegawai yang diberi pelepasan untuk berkhidmat dengan perkhidmatan awam Persekutuan hendaklah diambil kira bagi maksud kelayakan kemudahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.
- 4.10 Tempoh perkhidmatan termasuk semasa pelantikan secara sementara atau pelantikan secara kontrak hendaklah diambil kira bagi maksud kelayakan kemudahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.

5.0 Kuasa Melulus

- 5.1 Kelulusan Cuti Bersalin adalah di bawah tanggungjawab Ketua Jabatan dan kelulusan diberikan **setelah meneliti kepentingan perkhidmatan**.
- 5.2 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk melakukan perancangan serta memastikan tanggungan tugas pegawai yang sedang Cuti Bersalin diselaraskan dengan baik **tanpa memberikan implikasi kewangan** tambahan kepada pihak Universiti.
- 5.2.1 Namun demikian, sekiranya terdapat keperluan mendesak demi menjaga kepentingan perkhidmatan di Jabatan di mana tiada kepakaran serta ketidakcukupan bilangan staf di Jabatan, pengurusan universiti boleh memberikan pertimbangan khas permohonan pengurusan beban tugas pegawai Cuti Bersalin berkenaan kepada penanggungan tugas mahupun pengambilan staf sambil tertakluk kepada kemampuan untuk menanggung kos tersebut.

6.0 Tempoh Peralihan

- 6.1 Bagi pegawai yang sedang dalam tempoh Cuti Bersalin seperti yang sedang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 Tahun 2010 hingga melepasi tarikh penguatkuasaan dasar ini, pegawai boleh menggunakan kadar tambahan baharu ini mulai tarikh kuat kuasa dasar tersebut.

TARIKH KUAT KUASA

7.0 Penguatkuasaan pekeliling pentadbiran ini di UMP bermula pada **1 Januari 2018**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Memasyarakatkan Teknologi

Saya yang menjalankan amanah,



(ABD. HAMID BIN MAJID)

Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh: 4 November 2018